



FACULTY OF
SOCIAL SCIENCES &
HUMANITIES



2024/2025

E-BULETIN

Kajian Politik Dan Pemerintahan (*POLGOV*)

Edisi 2



POLGOV.UNIMAS



UNIMASPOLGOV



POLGOV SOCIETY

ISI KANDUNGAN

02 Kata Alu-aluan Dekan FSSK

03 Kata Alu-aluan Penyelaras Program

04 Kata Alu-aluan Presiden POLGOV Society

05 Carta Organisasi Jawatankuasa E-Buletin

06 Carta Organisasi Kabinet POLGOV 2024/2025

07 Staf Akademik Kajian Politik dan Pemerintahan

08 Aktiviti-aktiviti POLGOV 2024/2025

- Hari Bersama Program (SOSHUC)
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Panduan Pengurusan Rujukan yang Berkesan
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Pengenalan kepada Penulisan Akademik
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Penggunaan AI Dalam Penulisan Kajian Literatur
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Menyusun Kajian Literatur yang Komprehensif
- USR: Sesi Perkongsian Ilmu bersama SK Jaong, Sri Aman
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Kaedah Penyelidikan I
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Kaedah Penyelidikan II
- Forum Gen Z: Perspective on Malaysian Political Forum
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Penulisan Perbincangan dan Kesimpulan
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Penulisan Dapatan Kajian dan Analisis
- Polgov Care: Together We Care
- Gen Z Perspective on Political Theory Forum
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Etika dan Amalan Penyelidikan yang Baik
- Unity in Tradition: Polgov Sports Day
- From Classroom to Boardroom: A Polgov Final Year Insight Tour into the Industry (SEB)
- Polgov AI-Driven Digital Design Challenge: From Theory to Clicks (PODE)
- Empower Through Art: Polgov T-Shirt Design Challenge
- Political Speak Up Debate
- Polgov Exploration Mission (PEM): Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUN)
- Program Lensa Debat FOSSH 24/25: Pertembungan Suara Anak Bangsa
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Discussion of Qualitative Analysis
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Writing Results & Discussion Sections Effectively
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Writing Your Manuscript – Structure & Style
- Seminar Siri Projek Tahun Akhir (FYP): Overview of Final Year Project
- NextGen Petra Jaya: ReachOut! Qurban Aidiladha
- Polivision: Exploring Power, People, and Policy
- Political Forum: Environmental Federalism and State Autonomy – Sarawak vs. Peninsular Malaysia
- PitchPal: The Organisation Showcase
- Polgov FYP: Three Minutes Thesis Competition
- Budget Pitching: Financial Literacy
- Polcgov GradCast: Alumni in Action
- Justice in Frame: Political Poster Exhibition
- FSSH Distinguished Lecture Series 2025 – 1
- FSSH Distinguished Lecture Series 2025 – 2
- Polgov Go Global – UGM (Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia)
- Polgov High Tea 2025
- Majlis Pembentangan Manifesto Calon Kabinet 2025/2026
- Year 3 Farewell Dinner

09 Penutup

KATA ALU-ALUAN

DEKAN FSSK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pasukan editorial e-Buletin Program Kajian Politik Dan pemerintahan atas usaha menerbitkan edisi kali ini. Penerbitan ini bukan sekadar saluran komunikasi antara fakulti, program dan warga kampus, malah turut menjadi medium untuk menampilkan kejayaan, pencapaian serta pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh warga fakulti.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terus komited dalam membentuk graduan yang berilmu, beretika dan peka kepada isu-isu sosial melalui pelbagai program akademik dan kokurikulum. Usaha ini sejajar dengan aspirasi universiti untuk melahirkan modal insan yang holistik, berdaya saing dan berkualiti, serta mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Dalam era globalisasi yang mencabar, fakulti juga menekankan pembangunan sahsiah, keterampilan insaniah dan ilmu yang seimbang. Melalui program kolaboratif bersama agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti, usaha memperkasakan jati diri mahasiswa terus digerakkan. Sehubungan itu, penerbitan e-Buletin ini menjadi wadah untuk berkongsi pencapaian serta inisiatif Program Kajian Politik dan Pemerintahan bersama Persatuan Pelajar PolGov, sekali gus memperkukuh peranan fakulti sebagai pusat ilmu yang dinamik dan berdaya saing.

Akhir kata, saya berharap e-Buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi dan rujukan kepada semua warga fakulti serta masyarakat umum. Semoga fakulti terus maju dan cemerlang dalam melahirkan graduan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan sejagat.

Sekian terima kasih.

DR. KIKY KIRINA BINTI ABDILLAH
Dekan Fakulti Sains Sosial dan
Kemasnusiaan



KATA ALU-ALUAN

PENYELARAS PROGRAM

Salam Sejahtera dan Salam UNIMAS Lestari.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk menerbitkan e-Buletin POLGOV edisi ke-2 yang berperanan sebagai wadah utama dalam mengetengahkan pencapaian serta aktiviti program dan kelab pelajar POLGOV kepada seluruh warga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, komuniti UNIMAS, serta masyarakat umum. Penerbitan ini bukan hanya berfungsi sebagai rekod aktiviti, malah turut menjadi simbol apresiasi terhadap dedikasi dan kesungguhan seluruh ahli program serta barisan kabinet pelajar POLGOV Society Sesi 24/25 yang telah merealisasikan pelbagai program.

Sebagai penyelar program, saya berasa amat bangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh ahli program, para pelajar, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan aktiviti di bawah program dan kelab POLGOV. Tahun ini menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memperkasa kepimpinan, mengukuhkan kerjasama, serta membina sahsiah diri mahasiswa. Program Kajian Politik dan Pemerintahan bersama Persatuan Pelajar POLGOV Society terus berperanan sebagai platform penting dalam memberikan pengalaman kepimpinan, memperkukuh kemahiran komunikasi, serta memupuk nilai tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa.

Akhir kata, saya ingin mengungkapkan rasa terima kasih yang tulus kepada semua pihak yang sentiasa memberikan sokongan kepada Program dan Persatuan POLGOV Society. Hanya dengan usaha dan komitmen anda, kejayaan seperti ini dapat dicapai. Saya berharap e-Buletin ini bukan sahaja berfungsi sebagai saluran informasi, tetapi juga menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga Kajian Politik dan Pemerintahan serta Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan untuk terus menyumbang demi kecemerlangan mahasiswa pada masa kini dan pada masa hadapan.

DR. LEHA ANAK SALIMAN

Penyelaras Program

Kajian Politik dan Pemerintahan



KATA ALU-ALUAN

PRESIDEN POLGOV SOCIETY

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, dan Salam UNIMAS Lestari.

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sidang redaksi e-Buletin POLGOV Edisi Ke-2 yang telah bertungkus-lumus menjayakan penerbitan ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada sidang redaksi ini kerana memberikan penghormatan kepada saya selaku Presiden Persatuan Pelajar POLGOV Society Sesi 24/25 bagi menyampaikan amanat untuk diadaptasikan dalam halaman ini.

Tahun ini, POLGOV Society telah berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga mendidik dan membentuk sahsiah para pelajar Kajian Politik dan Pemerintahan. Sekalung ucapan syabas dan tahniah kepada barisan kabinet POLGOV Society Sesi 24/25 dalam menjayakan program-program tersebut, menjadikan kelab program ini menjadi satu platform yang menghubungkan semua pelajar Kajian Politik dan Pemerintahan tanpa mengira latar belakang. Tanggungjawab yang digalas oleh ahli kabinet amat kompleks, namun komitmen dan kerjasama yang diberikan menjadi pemangkin semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih dedikasi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada fakulti, khususnya Dr. Leha Anak Saliman, selaku penasihat program Kajian Politik dan Pemerintahan, dan semua pensyarah atas semua sokongan dalam memastikan kelab ini terus aktif dan relevan. Saya berharap agar e-Buletin ini mampu menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga Kajian Politik dan Pemerintahan dan kabinet POLGOV Society pada sesi akan datang. Kita buat sampai jadi!

PUTRI IZZATI AIYANI BT
RUJISSMANY@KINON
Presiden Polgov Society
UNIMAS 24/25



CARTA ORGANISASI

JAWATANKUASA E-BULETIN



PENASIHAT
PROF. DATU DR. NEILSON ILAN
ANAK MERSAT



PENASIHAT
DR. LEHA ANAK SALIMAN



KETUA EDITOR
NATASHA SYAFIAH BINTI
MOHD HANAFI



AHLI EDITOR
ANABELLA ANAK ADEMAN



AHLI EDITOR
GILBERT GANING ANAK
PETER



AHLI EDITOR
NITHYAA SRI A/P MOHANA
SUNTHARAM



AHLI EDITOR
NUR IZZYANA NATASHA BT
SILANG



AHLI EDITOR
NABIL SYAHMI BIN FAHMI



AHLI EDITOR
NURFATIHAH BINTI ILHAM



AHLI EDITOR
DAYANG FITRI NABILAH



AHLI EDITOR
MAXWELL TEBUN MUSA



AHLI EDITOR
NURUL AIN ASHIQIN BT
JUNAIDI



AHLI EDITOR
PUTRI IZZATI AIYANI BT
RUJISSMANY@KINON



AHLI EDITOR
MUHAMMAD SYAH Aidil FAHMY
BIN HELMI

CARTA ORGANISASI KABINET POLGOV SOCIETY 2024/2025



PRESIDEN

PUTRI IZZATI AIYANI BINTI
RUJISSMANY @ KINON



**TIMBALAN
PRESIDEN**

MUHAMMAD SYAHADIL
FAHMY BIN HELMI

SETIAUSAHA



GILBERT GANING
ANAK PETER

**TIMBALAN
SETIAUSAHA**



MOHAMMAD NUR'AMIRUL
HIDZAN BIN ISKANDAR

BENDAHARI



NURUL ATIQA BINTI RUSNIN

**TIMBALAN
BENDAHARI**



RABIATUL ADAWIYAH
MARZUKI



EXCO AKADEMIK & SAHSIAH

ANABELLA
ANAK ADEMAN



NITHYAA SRI A/P
MOHANA SUNTHARAM



NATASHA SYAFIAH BINTI
MOHD HANAFI



SHARON HO MIN WEI



JOHN BABATUNDE
ADEJEJI ANAK SERENA



NURHANANIE ANIM
BINTI CHE GHAZALI



NURFATHAH
BINTI ILHAM



MAXWELL TEBUN
MUSA



DAYANG FITRI NABILAH
BINTI AWANG SUHAILI

EXCO MEDIA & PUBLISITI



EXCO TUGAS-TUGAS KHAS



MUHAMMAD IRFAN BIN
ZUKERRIE



NURUL ZAQIRAH
BINTI ALI



JUENEWATIZAH BINTI
EKOL@SUHAIMIN



MUHAMMAD ALLIFF
IRFAN BIN JAMALI



NUR ARIFAH AINA
BINTI ABDILLAH

EXCO KEUSAHAWANAN & KERJAYA



AMIZGA AHMAD
DANISH



NUR ADRIANA
BINTI HARIS



MUHAMMAD IZZAT HELMI
BIN MOHAMAD NASSER

EXCO SUKAN & AKTIVITI



EXCO KEBUDAYAAN & WARISAN

CLAULDIA VIA LAING

BLANNIE ANAK SUBI

MELC CAREY JO

STAFF AKADEMIK PROGRAM KAJIAN POLITIK DAN PEMERINTAHAN



**PROFESOR DATU DR NEILSON
ILAN MERSAT**



**PROFESOR MADYA DR ARNOLD
PUYOK**



**ENCIK DICK LEMBANG
DUGUN**



DR LEHA SALIMAN



DR HAFIZAN MOHAMAD NAIM



DR NOR RAFIDAH SAIDON



CIK ATHIFAH BOLHASSAN



CIK NAJIHA BINTI ZAINUDIN



ENCIK MOHD SHAZANI MASRI



**ENCIK MUHAMMAD AZZUBAIR
AWWAM MUSTAFA**

E-Buletin

AHAD
27 OKTOBER 2024

HARI BERSAMA PROGRAM (SOSHUC)

Hari Bersama Program telah diadakan pada 27 Oktober 2024 melalui slot bersama Kelab Program (SOSHUC) di UNIMAS. Slot ini bertujuan memberikan pengenalan tentang fakulti dan program, kursus pembelajaran serta kehidupan di universiti. Barisan Kabinet POLGOV turut menganjurkan pelbagai aktiviti untuk pelajar baharu sesi 2025/2026 bagi mengeratkan silaturahim antara mereka. Slot program ini juga dihadiri oleh tiga orang panel yang terdiri daripada pelajar tahun akhir yang telah menjalani Latihan Industri (LI) bagi berkongsi pengalaman serta proses yang perlu dilalui sebelum memulakan latihan tersebut.



Oleh itu, sesi seperti ini dapat merapatkan hubungan antara pelajar POLGOV serta memberi peluang kepada mereka untuk mengenali Program Kajian Politik dan Pemerintahan dengan lebih mendalam. Pada masa yang sama, para pelajar turut memperoleh pengetahuan baharu hasil perkongsian ilmu daripada panel yang hadir.



E-Buletin

RABU
23 OKTOBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PANDUAN PENGURUSAN RUJUKAN YANG BERKESAN

Dalam dunia akademik, pengurusan rujukan yang sistematik dan teratur merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar di peringkat universiti, khususnya dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan yang banyak melibatkan kajian, penulisan ilmiah serta analisis sumber. Seminar ini menampilkan Dr. Hafizan Mohamad Naim selaku penceramah, dan dilaksanakan dengan tujuan membimbing pelajar dalam penyediaan serta pengurusan rujukan secara berkesan dan tepat, khususnya dalam penulisan projek tahun akhir pelajar. Usaha ini diharapkan dapat membantu mereka menghasilkan kajian yang lebih tersusun, kredibel serta bebas daripada kesilapan akademik.



Dalam sesi seminar ini, pelajar didedahkan kepada perisian pengurusan rujukan seperti Zotero, Mendeley, dan EndNote, yang dapat membantu menyusun rujukan dengan lebih mudah. Penggunaan perisian ini bukan sahaja membolehkan pelajar menyimpan dan menguruskan rujukan secara sistematik, malah ia juga mampu menjana petikan secara automatik mengikut format akademik yang dikehendaki seperti APA dan Harvard.

E-Buletin

ISNIN
28 OKTOBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PENGENALAN KEPADA PENULISAN AKADEMIK

Siri seminar seterusnya telah diadakan pada 28 Oktober 2024. Seminar "Pengenalan kepada Penulisan Akademik" berjaya dilaksanakan dengan kehadiran pelajar tahun akhir yang bersemangat untuk meningkatkan kemahiran penulisan akademik, khususnya dalam Projek Tahun Akhir (Final Year Project).



Profesor Datu Dr. Neilson Ilan Mersat telah berkongsi ilmu dan pengalaman mengenai asas penulisan akademik yang berkesan, termasuk struktur penulisan, gaya bahasa yang sesuai serta etika akademik. Antara topik utama yang dibincangkan ialah struktur asas penulisan, gaya dan etika penulisan, pemilihan serta penggunaan sumber rujukan, dan kesilapan lazim dalam penulisan akademik. Pelajar yang hadir menghargai peluang ini untuk memahami proses penulisan akademik yang berkualiti, manakala sesi soal jawab yang interaktif membolehkan mereka mendapatkan penjelasan terus daripada penceramah.



E-Buletin

RABU
04 NOVEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PENGUNAAN ALAT BERASASKAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM KAJIAN LITERATUR

FYP Seminar yang bertajuk Penggunaan Alat Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Kajian Literatur telah diadakan pada 4 November 2024. Seminar ini berjaya dilaksanakan dengan penyertaan dan sambutan yang memberangsangkan daripada pelajar tahun akhir Program Kajian Politik dan Pemerintahan.



Encik Muhammad Azzubair Awwam bin Mustafa selaku penceramah telah berkongsi maklumat serta melakukan demonstrasi mengenai bagaimana alat kecerdasan buatan (AI) dapat mempercepat dan mempermudah proses semakan literatur dalam penyelidikan akademik. Antara topik utama yang dibincangkan ialah pengenalan AI dalam penyelidikan, alat AI yang popular, etika penggunaan AI, serta demonstrasi secara langsung.

Peserta seminar dapat memahami kelebihan dan cabaran penggunaan AI dalam kajian akademik, selain berpeluang mencuba beberapa alat AI secara langsung dalam sesi interaktif.



E-Buletin


RABU
11 NOVEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) MENYUSUN KAJIAN LITERATUR YANG KOMPREHENSIF

Seminar ini telah diadakan pada 11 November 2024 di UNIMAS. Ia bertujuan membantu pelajar tahun akhir mendalami teknik penyusunan dan penulisan yang baik bagi melaksanakan ulasan literatur dalam projek penyelidikan mereka. Pensyarah Program Kajian Politik dan Pemerintahan, Cik Najiha binti Zainudin, dijemput sebagai penceramah seminar ini.

Beliau telah berkongsi kaedah berkesan bagi membantu pengarang mengenal pasti sumber akademik yang berkualiti, menganalisis prosiding kajian terdahulu, serta membina rangka kerja teoritis yang kukuh. Selain itu, beliau turut membincangkan kesalahan lazim dalam penyediaan ulasan literatur dan adab yang perlu diamalkan bagi mengelakkan plagiarisme.

Semasa sesi seminar, peserta berpeluang mengemukakan soalan dan menerima maklum balas secara langsung mengenai draf ulasan literatur mereka. Mereka juga mendapat pendedahan mendalam serta peluang untuk mengemukakan idea dan cadangan, sekaligus memperluas pemahaman mereka dalam berfikir secara akademik.



E-Buletin

SELASA
12 NOVEMBER 2024

PROJEK TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR). PERKONGSIAN ILMU BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN JAONG SRI AMAN

Pelajar tahun dua dan tiga daripada Program Politik dan Pemerintahan, bersama pensyarah, telah mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama murid-murid di Sekolah Kebangsaan Jaong, Sri Aman. Program ini bertujuan berkongsi ilmu serta memupuk semangat pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan, mewujudkan suasana santai di mana murid-murid dapat memperoleh pengetahuan baharu melalui aktiviti yang mendidik dan menghiburkan.



Seramai 100 peserta terlibat, terdiri daripada 80 murid dan 20 guru serta kakitangan sekolah. Perkongsian menumpukan isu dan cabaran dalam pembelajaran pasca pandemik, khususnya bagi pelajar dan masyarakat luar bandar di Jaong, Pantu, Sri Aman. Pelbagai aktiviti interaktif seperti Serigala Bijak dan Ayam Lincah, sesi mewarna dan permainan lain dijalankan untuk menggalakkan kreativiti, kerjasama dan semangat berpasukan. Pelajar universiti berperanan sebagai fasilitator dan pembimbing, memberi motivasi serta keyakinan kepada murid dalam pembelajaran.



E-Buletin

JUMAAT
15 NOVEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) KAEDAH PENYELIDIKAN I

FYP Seminar Session 24/25 telah diadakan pada 15 November 2024. Seminar *Research Methodology 1* telah berjaya diadakan di Bilik Multimedia 2 (BMM2) yang dihadiri oleh pelajar tahun akhir. Dengan kehadiran pelajar ini, mereka telah dapat memperkukuhkan pemahaman mereka serta memahami tentang kaedah kajian untuk Projek Tahun Akhir mereka.



Encik Dick Lembang anak Dugun, selaku penceramah, menyampaikan ilmu yang informatif dengan panduan mendalam mengenai aspek penting dalam metodologi penyelidikan akademik. Antara topik utama yang dibincangkan ialah asas metodologi penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, analisis data, serta etika penyelidikan. Pelajar juga diperkenalkan kepada cabaran lazim dalam penyelidikan akademik dan strategi untuk menanganinya.

Seminar ini berlangsung secara interaktif, membolehkan pelajar mengemukakan soalan, berdiskusi, dan mendapatkan penjelasan terperinci daripada penceramah. Aktiviti interaktif seperti kajian kes dan contoh praktikal turut dijalankan untuk menggalakkan pemahaman lebih mendalam serta membolehkan pelajar mengaplikasikan teori ke dalam konteks sebenar penyelidikan mereka.

E-Buletin

ISNIN
18 NOVEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) KAEDAH PENYELIDIKAN II

Metodologi penyelidikan merupakan elemen terpenting dalam sesuatu kajian kerana ia menentukan kaedah pengumpulan, analisis, dan interpretasi data. Pemilihan metodologi yang tepat mempengaruhi ketepatan dapatan kajian, sama ada dalam analisis dasar awam, trend pilihan raya, atau sikap politik masyarakat.



Seminar yang dikendalikan oleh Cik Athifah Bohlassan ini telah memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai pelbagai pendekatan penyelidikan, termasuk kaedah kuantitatif, kualitatif, dan campuran. Selain itu, seminar turut menekankan aspek etika penyelidikan, seperti kepentingan mendapatkan persetujuan peserta, menjaga kerahsiaan data, serta menangani isu politik yang sensitif secara profesional. Keseluruhannya, seminar ini bukan sahaja membantu pelajar membuat pilihan metodologi yang lebih tepat untuk Projek Tahun Akhir (FYP) mereka, malah menyediakan asas kukuh bagi mereka yang bercita-cita menceburi bidang penyelidikan, perundingan dasar, atau sektor akademik.



E-Buletin

SELASA
19 NOVEMBER 2024

FORUM - PERSPEKTIF GEN Z TERHADAP POLITIK MALAYSIA

Forum yang bertajuk Perspektif Gen Z terhadap Politik Malaysia telah diadakan pada 19 November 2024 di Bilik Persidangan, FSSK. Forum ini diselia oleh Profesor Datu Dr Neilson Ilan Mersat. Forum ini melibatkan pelajar Tahun dua dan menampilkan empat orang panel serta seorang moderator untuk membincangkan topik secara mendalam.



Tujuan forum ini diadakan adalah untuk menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi PolGov mengasah bakat dalam berhujah dan berdiskusi. Penyertaan dalam forum ini membolehkan pelajar menyerlahkan kemahiran bertutur, membidas, serta membahas isu-isu yang dibincangkan. Selain itu, forum ini juga menguji kecekapan serta tahap pengetahuan pelajar dalam mengupas isu semasa. Melalui sesi ini, pelajar dapat membincangkan politik Malaysia dengan menekankan isu sosial dan ekonomi, kepentingan integriti dalam kepimpinan, serta peranan media sosial dalam politik negara.



E-Buletin

ISNIN
2 DISEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PENULISAN PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bahagian perbincangan dan kesimpulan sering dianggap sebagai bahagian yang paling mencabar dalam sesuatu kajian. Ini kerana ia memerlukan pelajar untuk bukan sahaja menganalisis dapatan secara kritikal, tetapi juga menghubungkannya dengan perbincangan akademik yang lebih luas. Oleh itu, FYP seminar kali ini seorang pensyarah telah mengupas bahagian perbincangan dan kesimpulan.

Seminar yang dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Arnold Puyok bertujuan membantu pelajar menyusun bahagian perbincangan dan kesimpulan dengan lebih berkesan dan profesional. Pelajar dibimbing untuk memastikan dapatan kajian tidak sekadar disampaikan secara deskriptif, tetapi dianalisis secara mendalam dengan mengambil kira hubungan dengan teori, penyelidikan terdahulu, dan konteks lain yang relevan. Dalam bahagian kesimpulan, penyelidik perlu mampu merumuskan dapatan dengan jelas serta membincangkan sumbangan penyelidikan mereka.

Dengan menghadiri seminar ini, pelajar lebih yakin dalam menyampaikan hujah dan menghasilkan kajian yang memberi impak signifikan dalam dunia akademik dan dasar awam.



E-Buletin

JUMAAT
6 DISEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) PENULISAN DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Seminar ini telah diadakan pada 6 Disember 2024 dan berjaya mendapat penyertaan aktif daripada pelajar tahun akhir yang ingin memahami proses analisis data serta interpretasi dapatan kajian mereka.

Dr. Nor Rafidah binti Saidon telah memberikan penerangan mendalam mengenai kaedah analisis data yang sesuai untuk pelbagai jenis penyelidikan akademik. Antara topik utama yang dibincangkan ialah penyusunan dapatan kajian secara sistematik, kaedah analisis data, penafsiran hasil kajian, pelaporan dapatan, serta kesilapan lazim dalam analisis data. Seminar ini membantu pelajar memahami cara menyusun hasil kajian dengan lebih teratur dan mudah difahami, sekaligus meningkatkan kualiti serta kredibiliti projek penyelidikan mereka.

Seminar ini berlangsung secara interaktif, membolehkan komunikasi dua hala antara penceramah dan peserta. Pelajar mendapat bimbingan serta penjelasan langsung daripada penceramah, membolehkan mereka memahami aplikasi teori dalam konteks sebenar, meningkatkan kemahiran analisis, dan membina keyakinan dalam menyusun serta menafsirkan dapatan kajian mereka.



E-Buletin

SABTU
07 DISEMBER 2024

POLGOV CARE: TOGETHER WE CARE

Pada 7 Disember 2024, program **POLGOV CARE: Together We Care** telah dianjurkan di Pusat Pemulihan OKU, Kota Samarahan, sebagai inisiatif kebajikan dan kesedaran sosial oleh komuniti POLGOV. Program ini bertujuan untuk memberikan sokongan moral serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemulihan dan integrasi sosial bagi individu yang sedang menjalani proses pemulihan.



Sepanjang program ini, para sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa dan pensyarah telah mengadakan aktiviti interaktif bersama penghuni pusat pemulihan. Antaranya termasuk aktiviti rekreasi seperti senam robik dan sesi hiburan bersama yang bertujuan untuk membina keyakinan diri dan semangat positif dalam kalangan peserta. Selain itu, aktiviti gotong-royong turut diadakan, di mana para sukarelawan berganding bahu membersihkan kawasan sekitar. Aktiviti ini membantu mewujudkan persekitaran yang lebih selesa dan bersih, juga memupuk semangat kerjasama serta rasa tanggungjawab dalam kalangan peserta. Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada penghuni pusat pemulihan tetapi juga membuka mata para peserta mengenai kepentingan empati dan peranan masyarakat dalam membantu golongan yang memerlukan.



E-Buletin

JUMAAT
10 DECEMBER 2024

FORUM FROM GEN Z PERSPECTIVE ON POLITICAL THEORY

Pada 10 Disember yang lalu, satu forum bertajuk *Gen Z Perspective on Political Theory* yang diselenggarakan oleh Profesor Datu Dr. Neilson telah diadakan bagi membincangkan pemahaman serta perspektif generasi muda terhadap teori politik. Forum yang berlangsung pada hari Jumaat ini berjaya menarik perhatian pelbagai pihak, terutamanya golongan mahasiswa dan belia yang semakin cakna dengan landskap politik semasa.



Panel jemputan yang terdiri daripada ahli akademik membincangkan bagaimana generasi Z mentafsir dan mengadaptasi teori politik klasik dalam konteks dunia moden. Perbincangan turut menyentuh isu-isu semasa seperti demokrasi digital, aktivisme dalam talian serta peranan generasi muda dalam membentuk polisi masa depan.

Melalui forum ini, peserta berpeluang bertukar pandangan dan menilai sejauh mana teori politik relevan dalam menangani cabaran masa kini. Diharapkan program seperti ini dapat terus dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan generasi muda serta memupuk pemikiran kritis terhadap perkembangan politik global.



E-Buletin

KHAMIS
12 DISEMBER 2024

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) ETIKA DAN AMALAN PENYELIDIKAN YANG BAIK

FYP Seminar Sesi 2024/2025 telah diadakan pada 12 Disember 2024. Seminar “Etika dan Amalan Penyelidikan yang Baik” berjaya dilaksanakan dengan penyertaan aktif daripada pelajar tahun akhir yang ingin memahami prinsip etika dalam penyelidikan akademik. Dr. Leha ak Saliman berkongsi panduan penting mengenai nilai dan amalan terbaik dalam menjalankan kajian yang beretika serta berkualiti.

Antara perkara utama yang dibincangkan ialah prinsip asas etika penyelidikan, hak dan perlindungan peserta kajian, plagiarisme dan kejujuran akademik, termasuk cara mengenal pasti dan mengelakkan plagiarisme serta kepentingan memberi penghargaan kepada sumber rujukan. Seminar ini turut menekankan etika dalam pengumpulan dan pelaporan data serta amalan terbaik yang perlu dipatuhi bagi memastikan penyelidikan dijalankan secara profesional dan bertanggungjawab.

Seminar ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta yang ingin memahami lebih lanjut mengenai tanggungjawab etika dalam penyelidikan mereka. Sesi soal jawab yang interaktif telah membolehkan peserta mendapatkan bimbingan langsung daripada Dr. Leha ak Saliman.



E-Buletin

JUMAAT
14 DISEMBER 2024

UNITY IN TRADITION: POLGOV SPORTS DAY

Hari sukan PolGov yang bertemakan *Unity in Tradition* telah diadakan pada 17 Disember 2024 di Stadium UNIMAS dari pukul 7.00 pagi sehingga 5.00 petang. Program ini bertujuan untuk mewujudkan ukhuwah sesama pelajar PolGov dan pensyarah melalui pelbagai aktiviti sukan yang mencabar dan menyeronokkan seperti *Tug of War*, *FIFA Sarung Pelikat*, *Wolf and Flock* dan banyak lagi. Program ini juga dapat meningkatkan semangat kesukanan serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta melalui aktiviti fizikal yang menguji ketahanan. Selain itu, acara ini berperanan dalam menguatkan hubungan antara para pelajar dan pensyarah di luar bilik kuliah, sekali gus mewujudkan suasana yang lebih mesra dan harmoni dalam komuniti PolGov.



E-Buletin

KHAMIS
09 JANUARI 2025

FROM CLASSROOM TO BOARDROOM: A POLGOV FINAL YEAR INSIGHT TOUR INTO THE INDUSTRY (SEB)

Program lawatan industri ke Sarawak Energy Berhad bagi semua pelajar Tahun tiga Program Kajian Politik dan Pemerintahan telah diadakan pada 9 Januari 2025. Program ini bertujuan memberikan pendedahan langsung kepada pelajar mengenai operasi dan pengurusan sektor tenaga di Sarawak, sejajar dengan pembelajaran kursus Penilaian dan Pengurusan Projek di kelas.



Pelajar berpeluang mengikuti sesi perkongsian bersama pegawai Sarawak Energy, yang memberikan maklumat mengenai pengurusan tenaga baharu, inovasi teknologi, serta cabaran dan peluang dalam industri tersebut. Pelajar turut berpeluang melawat Seni Galleria Sarawak Energy yang memaparkan sejarah, perkembangan, dan pencapaian sektor tenaga di Sarawak.

Aktiviti ini memberikan pelajar peluang menghubungkan teori dan praktikal, memperluas perspektif mereka mengenai sektor tenaga, dan memupuk minat dalam bidang berkaitan. Selain meningkatkan pengetahuan akademik, program ini turut memperkasa kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah, seterusnya mempersiapkan mereka untuk alam pekerjaan yang dinamik dan mencabar.



E-Buletin

JUMAAT-SELASA
18 DISEMBER - 10 JANUARI 2025

POLGOV AI-DRIVEN DIGITAL DESIGN CHALLENGE: FROM THEORY TO CLICKS (PODE)

Bermula 18 Disember 2024 hingga 10 Januari 2025, **PolGov Online Design Event (PODE)** dengan tema *From Theory to Clicks* telah berjaya dianjurkan sebagai satu inisiatif menghubungkan teori politik dengan dunia digital.



Acara yang berlangsung dari hari Jumaat hingga Selasa ini menarik penyertaan pelajar terutamanya tahun dua dan tiga yang berminat dalam pembangunan kandungan politik secara dalam talian. Selama lebih kurang sebulan penganjuran program ini, para pelajar telah didedahkan kepada pembangunan kreativiti dan inovasi dengan mencipta laman web yang menarik menggunakan platform seperti Notion.so, Xtiles.App, Google Sites, dan lain-lain, termasuk pengaplikasian alat berasaskan AI untuk mempertingkatkan fungsi dan interaktiviti laman web. Aktiviti ini bertujuan memupuk pengaplikasian teknologi dan AI dalam pendigitalan pendidikan sejajar dengan sasaran Pembangunan Lestari (SDG).



Selain itu, program ini turut menggalakkan kerjasama dalam kerja berkumpulan serta membangunkan kemahiran kepimpinan, sekali gus menyokong pembangunan sahsiah pelajar. PODE bukan sahaja menghubungkan teori politik dengan realiti digital, tetapi juga membuktikan bahawa dunia maya boleh menjadi medan penting dalam membentuk pemikiran serta kesedaran politik pelajar.

E-Buletin

ISNIN-AHAD
06 - 12 JANUARI 2024

EMPOWER THROUGH ART: POLGOV T-SHIRT DESIGN

Empower Through Art: PolGov T-Shirt Design Challenge telah diadakan pada 6 hingga 12 Januari 2025, terbuka kepada semua pelajar PolGov. Pertandingan ini dijalankan secara atas talian bagi memupuk kreativiti dan inovasi para pelajar.

Tujuan pertandingan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar berkongsi idea dan menghasilkan rekaan baju T-shirt untuk program PolGov, yang boleh digunakan pada masa hadapan semasa aktiviti sukan dan riadah. Pelajar diberikan ruang untuk menyerlahkan bakat tersendiri, dan pelbagai rekaan menarik telah dihantar untuk dinilai.

Rekaan T-shirt yang paling menarik dinilai dan dipilih berdasarkan undian. Pemenang rekaan akan menerima hadiah serta saguhati bernilai RM50 sebagai galakan untuk penyertaan dalam program akan datang. Secara keseluruhan, rekaan yang dihasilkan sangat memberangsangkan, dengan pertandingan undian yang sengit.



E-Buletin

JUMAAT
10 JANUARI 2025

POLITICAL SPEAK UP DEBATE

Pada 10 Januari 2025, program **Debat Politik Siswa** telah dianjurkan sebagai platform perbincangan intelektual mengenai isu keterbukaan media dalam konteks politik dan demokrasi. Bertempat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), debat ini mengumpulkan mahasiswa untuk mengupas sama ada keterbukaan media merupakan elemen penting dalam demokrasi atau ancaman kepada kestabilan politik negara.



Dua pasukan telah berdebat secara kritis mengenai peranan media dalam membentuk landskap politik. Pasukan yang menyokong keterbukaan media menekankan bahawa kebebasan media adalah asas utama demokrasi, membolehkan rakyat mendapat maklumat yang telus, menggalakkan akauntabiliti kerajaan, serta memberi ruang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk bersuara. Pasukan pembangkang pula berpandangan bahawa keterbukaan media boleh menjadi ancaman, kerana tanpa kawalan yang berkesan, media boleh menjadi alat penyebaran propaganda, maklumat palsu, serta mencetuskan ketidakstabilan politik. Debat ini mendapat sambutan hangat daripada hadirin yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah.



E-Buletin

SELASA
29 APRIL 2025

POLGOV EXPLORATION MISSION (PEM): DEWAN UNDANGAN NEGERI

Program POLGOV Exploration Mission (PEM) telah berlangsung pada 29 April 2025 di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Lawatan ini melibatkan pelajar Tahun satu Program Kajian Politik dan Pemerintahan dengan tujuan memberi pendedahan awal mengenai struktur dan fungsi institusi perundangan negeri. Pelajar mengikuti sesi taklimat serta lawatan ke ruang-ruang penting seperti Dewan Persidangan dan Dewan Lapau.



Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sistem politik di peringkat negeri, malah turut memberi peluang untuk pelajar membina kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, pemikiran analitikal dan keyakinan diri. Pengalaman secara langsung ini juga berjaya menambah minat pelajar dalam bidang pemerintahan dan memperkukuh persediaan mereka ke arah menjadi warganegara yang lebih peka dan berpengetahuan.



E-Buletin

RABU & KHAMIS
14 - 15 MEI 2025

LENSA DEBAT FOSSH

Program Lensa Debat FOSSH: Pertembungan Suara Anak Bangsa telah berlangsung selama dua hari, iaitu pada 14 hingga 15 Mei 2025, bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Program ini dianjurkan dengan matlamat mengasah potensi mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang perdebatan. Melalui program ini, para peserta didorong untuk mengembangkan bakat bertutur, berhujah, membidas serta membahas isu-isu semasa dengan penuh keyakinan dan intelektual. Peserta terdiri daripada pelajar UiTM dan UNIMAS.



Selain itu, program ini turut menjadi medan untuk menguji kemampuan serta tahap pengetahuan mahasiswa terhadap perkembangan semasa, sekali gus melahirkan generasi yang lebih peka, kritis dan berdaya saing dalam menyuarakan pandangan secara berhemah dan berfakta. Program ini diharapkan menjadi pemangkin kepada lahirnya mahasiswa yang berfikiran tajam, berilmu dan berani menyuarakan pandangan.



E-Buletin

KHAMIS
15 MEI 2025

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR DISCUSSION OF QUALITATIVE ANALYSIS

Dalam usaha memperkukuh kemahiran penyelidikan para pelajar, khususnya yang sedang menjalankan Projek Tahun Akhir (FYP), POLGOV telah menganjurkan satu sesi ilmiah di bawah program FYP Seminar Series bertajuk "Discussion of Qualitative Analysis". Sesi yang disampaikan oleh Encik Mohd Shazani bin Masri ini memberi tumpuan kepada pendekatan analisis kualitatif yang menjadi asas penting dalam sains sosial.



Sepanjang seminar, para peserta didedahkan kepada teknik pengumpulan data kualitatif yang sistematik, kaedah kodifikasi data, serta langkah-langkah untuk menghasilkan analisis yang mendalam dan bernilai akademik. Turut dibincangkan ialah cabaran yang sering dihadapi oleh pelajar dalam proses menganalisis data kualitatif serta strategi penyelesaian bagi memastikan dapatan kajian lebih kukuh dan meyakinkan.

Sesi interaktif ini bukan sahaja membantu pelajar memahami kerangka analisis kualitatif dengan lebih jelas, malah memberi inspirasi dan motivasi dalam menyempurnakan projek penyelidikan mereka dengan standard akademik yang tinggi. Inisiatif ini membuktikan komitmen POLGOV dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir secara teori, tetapi juga mempunyai keupayaan praktikal dalam penghasilan kajian yang berkualiti.

E-Buletin

ISNIN
19 MEI 2025

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) WRITING RESULTS & DISCUSSION SECTIONS EFFECTIVELY

Sebagai kesinambungan usaha membimbing pelajar dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir (FYP), POLGOV juga telah menganjurkan seminar berimpak tinggi di bawah program FYP Seminar Series bertajuk "Writing Results & Discussion Sections Effectively". Seminar ini dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Arnold Puyok yang juga merupakan pensyarah kanan di Program Kajian Politik dan Pemerintahan.



Sesi ini memberi panduan menulis bahagian dapatan dan perbincangan dengan jelas dan tersusun, sambil menekankan kepentingan mengaitkan dapatan kajian dengan kerangka teori, objektif penyelidikan, serta perbincangan kritis bagi menambah nilai kepada keseluruhan laporan penyelidikan.

Melalui perkongsian pengalaman dan tip praktikal, seminar ini diharap dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menulis laporan FYP yang berkualiti tinggi, dengan penekanan kepada gaya penulisan analitis dan pembentangan dapatan yang komprehensif. Program ini juga menjadi platform untuk pelajar bertanya soalan, mendapatkan panduan langsung, dan meningkatkan keyakinan dalam menghasilkan penulisan akademik yang berkesan.

E-Buletin

ISNIN
19 MEI 2025

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) WRITING MANUSCRIPT: STRUCTURE & STYLES

Pada 22 Mei 2025, bertempat di TR6 dan TR7, FSSK, satu lagi seminar siri Projek Tahun Akhir (FYP) telah diadakan yang bertajuk "Writing Manuscript: Structure and Styles" yang disampaikan oleh Dr. Leha Saliman. Seminar ini bertujuan membantu pelajar memahami struktur asas penulisan manuskrip yang merangkumi elemen penting seperti pendahuluan, metodologi, dapatan, dan perbincangan.



Selain itu, seminar ini juga memberi tumpuan kepada gaya penulisan akademik yang sesuai, termasuk penggunaan bahasa formal, tepat, dan profesional dalam konteks ilmiah. Peserta diajar untuk menyusun dan membentangkan hujah secara sistematik agar manuskrip yang dihasilkan mempunyai aliran pemikiran yang koheren dan logik. Seminar ini turut memberi panduan mengenai teknik penulisan abstrak, tajuk yang tepat, pengolahan perenggan, penggunaan rujukan yang betul, dan etika penulisan seperti mengelakkan plagiarisme. Dengan panduan ini, peserta dapat menghasilkan manuskrip dan artikel akademik yang berkualiti, tersusun, dan memenuhi standard penyelidikan profesional.

Akhir sekali, seminar ini bertujuan membina keyakinan pelajar untuk menyediakan manuskrip berkualiti yang bersedia dinilai atau diterbitkan, serta menepati piawaian akademik.

E-Buletin

ISNIN
19 MEI 2025

SEMINAR SIRI PROJEK TAHUN AKHIR (FYP) OVERVIEW OF FINAL YEAR PROJECT

PolGov juga mengadakan FYP Seminar Series yang bertajuk *Overview of Final Year Project* yang disampaikan oleh Encik Muhammad Azzubair Awwam bin Mustafa pada 16 Mei 2025 bertempat di BMM1, FSSK. FYP Seminar Series: Overview of Final Year Project bertujuan untuk memberikan pemahaman menyeluruh kepada pelajar berkaitan struktur dan proses pelaksanaan Projek Tahun Akhir (FYP).



Melalui seminar ini, pelajar akan didedahkan kepada peranan serta tanggungjawab mereka dan penyelia sepanjang tempoh projek. Selain itu, seminar ini membantu pelajar memahami langkah-langkah utama dalam merancang, melaksana dan menilai projek mereka. Pelajar juga akan dibimbing dalam memilih tajuk projek yang bersesuaian dengan minat dan bidang pengkhususan masing-masing. Garis masa pelaksanaan, keperluan dokumentasi serta prosedur penyerahan turut diperincikan.

Di samping itu, seminar ini menekankan kepentingan etika penyelidikan dan penulisan akademik yang perlu dipatuhi. Pelajar turut diperkenalkan kepada kriteria penilaian bagi membantu mereka menghasilkan projek yang berkualiti dan menepati standard akademik. Secara ringkas, seminar ini bertujuan membekalkan asas pengetahuan dan panduan awal yang penting untuk kejayaan pelaksanaan Projek Tahun Akhir.

E-Buletin

AHAD
08 JUN 2025

NEXTGEN PETRA JAYA: REACHOUT QURBAN AIDILADHA

Society telah bekerjasama menjayakan Aktiviti Qurban Aidiladha anjuran NextGen Petra Jaya, yang berlangsung meriah di Kampung Samariang Pinggir. Program ini melibatkan kira-kira 70 sukarelawan termasuk penduduk kampung, pelajar universiti, kolej, serta NGO sekitar Kuching. Turut memeriahkan majlis ialah Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Petra Jaya, Dato' Sri Fadillah Yusof, yang turut bersama penduduk dalam melapah dan mengagihkan daging korban.



Sebanyak dua ekor sapi telah dikorbankan sebelum diagihkan kepada kira-kira 117 buah rumah. Program ini turut mendapat sokongan daripada UNIMAS melalui penyertaan pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), di mana menurut Dr. Leha Saliman, program sebegini dapat mendedahkan pelajar kepada pengalaman khidmat komuniti dan memupuk semangat kerjasama bersama masyarakat setempat.



E-Buletin

ISNIN
09 JUN 2025

POLIVISION: EXPLORING, POWER, PEOPLE & POLICY

Sebagai sebahagian daripada aktiviti kursus Pengenalan kepada Sains Politik, program POLIVISION dianjurkan untuk memperkasakan pelajar memahami realiti politik semasa melalui lensa kuasa, rakyat, dan dasar. Dalam program ini, setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan poster dan membuat pembentangan bagi mengupas isu protes politik kontemporari secara kreatif dan kritis.

POLIVISION bertujuan mendedahkan pelajar kepada analisis kritikal terhadap peristiwa politik sebenar sambil menerapkan teori sains politik untuk menjelaskan fenomena sosial-politik. Program ini juga menilai peranan media, kerajaan, dan masyarakat, serta menggalakkan pemikiran reflektif dan beretika dalam kalangan pelajar.

Sesi pembentangan poster yang berlangsung secara interaktif, membolehkan pelajar menyerlahkan kreativiti dan kefahaman mereka. Keupayaan pelajar menggabungkan fakta, grafik, dan analisis kritikal mendapat perhatian pensyarah serta rakan sekuliah. Secara keseluruhannya, POLIVISION membuktikan kebolehan pelajar sebagai penganalisis politik muda, dan program ini diharapkan terus menjadi platform bagi memperkukuh wacana demokrasi di kampus.



E-Buletin

ISNIN
09 JUN 2025

POLITICAL FORUM ENVIRONMENTAL FEDERALISM AND STATE AUTONOMY : SARAWAK VS PENINSULAR MALAYSIA

Satu forum politik yang bertemakan "***Environmental Federalism and State Autonomy: Sarawak vs Peninsular Malaysia***" telah berlangsung dengan penuh wacana intelektual dan keterlibatan pelbagai pihak berkepentingan. Forum ini membuka ruang perbincangan kritikal berkaitan hubungan kuasa antara kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam hal pengurusan alam sekitar, dengan tumpuan khusus terhadap perbandingan autonomi Sarawak berbanding negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.



Forum ini turut menyentuh aspek perundangan, dasar, serta cabaran pelaksanaan berkaitan alam sekitar dalam konteks persekutuan Malaysia, di mana Sarawak dilihat mempunyai kuasa autonomi yang lebih luas dalam hal ehwal tanah, sumber asli dan alam sekitar. Perbezaan ini memberi implikasi besar terhadap pelaksanaan polisi hijau dan kelestarian pembangunan antara dua wilayah utama negara. Diskusi ini berjaya mencetuskan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam dalam kalangan peserta mengenai peri pentingnya keharmonian dalam pembahagian kuasa, serta keperluan untuk memperkukuh kerjasama antara negeri dan persekutuan demi masa depan alam sekitar yang mampan.



E-Buletin

KHAMIS
12 JUN 2025

PITCHPAL: THE ORGANISATION SHOWCASE

Program *PITCHPAL: The Organisation Showcase* telah diadakan pada 12 Jun 2025 bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Program ini melibatkan pelajar Tahun 2 Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV) dalam satu sesi pembentangan yang menumpukan kepada teori dan reka bentuk organisasi dalam konteks organisasi sebenar.



Melalui program ini, pelajar mempersembahkan hasil kajian dan analisis mereka terhadap struktur organisasi, budaya kerja, serta pendekatan pengurusan dalam pelbagai jenis organisasi termasuk sektor awam, swasta dan bukan kerajaan. Setiap pembentangan menonjolkan bagaimana teori organisasi diaplikasikan dalam situasi sebenar, disertai cadangan penambahbaikan berdasarkan pemahaman teori. Aktiviti ini telah berjaya mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap aplikasi teori organisasi, selain mengasah kemahiran penting seperti penyampaian, analisis kritikal, kerja kumpulan dan daya kreativiti.



E-Buletin

KHAMIS
12 JUN 2025

POLGOV THREE MINUTES THESIS COMPETITION

POLGOV FYP: Three Minutes Thesis Competition telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Jun 2025, bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Program ini melibatkan semua pelajar Tahun tiga program Politik dan Pemerintahan yang sedang menjalankan Projek Tahun Akhir (FYP). Dalam pertandingan ini, setiap pelajar diberi cabaran untuk membentangkan tajuk FYP masing-masing dalam masa hanya 3 minit, secara ringkas, padat dan berkesan.



Objektif utama program ini adalah untuk mengasah kemahiran komunikasi pelajar, menguji keupayaan mereka menyampaikan idea dan hasil kajian dalam tempoh masa terhad, serta membina keyakinan diri dalam suasana akademik yang mencabar. Program ini juga memberi peluang kepada para pensyarah dan rakan-rakan pelajar untuk mendapatkan gambaran awal tentang topik kajian yang dijalankan serta memberi maklum balas yang membina.



E-Buletin

RABU
13 JUN 2025

BUDGET PITCHING: FINANCIAL LITERACY

BUDGET PITCHING: FINANCIAL LITERACY diadakan pada 13 Jun 2025 di BP3, CTF4. Dalam dunia korporat dan perniagaan yang semakin kompetitif, pembentangan bajet bukan sekadar menyampaikan angka. Budget Pitching adalah menyusun naratif kewangan yang meyakinkan. Memahami komponen utama dan struktur pembentangan bajet yang berkesan merupakan langkah pertama ke arah menyampaikan maklumat dengan jelas dan tersusun.



Namun, kejayaan sebenar terletak pada kebolehan memikat pihak berkepentingan dengan strategi komunikasi yang meyakinkan dan berimpak tinggi. Tambahan pula, mengenal pasti cabaran serta kesilapan lazim dalam proses ini membolehkan pembentang mengambil langkah proaktif untuk menambah baik kandungan dan gaya penyampaian mereka. Oleh itu, perancangan bajet yang strategik membolehkan program ini memberi impak besar dalam memperkasa pelajar, memupuk motivasi, dan membina jaringan dengan yang kukuh dengan semua orang.



E-Buletin

JUMAAT & AHAD
13 & 15 JUN 2025

POLGOV GRADCAST

POLGOV Gradcast, sebuah program ilmiah yang menampilkan perkongsian pengalaman dan pandangan alumni daripada Program Ijazah Sarjana Muda Kajian Politik dan Pemerintahan, FSSH UNIMAS. Inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan alumni dan pelajar serta menyediakan ruang refleksi terhadap realiti kehidupan pasca-universiti.



Episod pertama berlangsung pada 13 Jun 2025 di Bilik Multimedia 1, FSSH, menampilkan Encik Muhammad Afiq Azizi Bin Tarmiji dan Encik Muhammad Fakruladzi Bin Abdullah. Episod kedua pula berlangsung secara dalam talian pada 15 Jun 2025 bersama Encik Mohd Azhari Afrul Bin Amiruddin. Dengan tema *"More Than Just Politics"*, Gradcast mengupas perjalanan akademik, cabaran pengajian, pembangunan sendiri dan transisi ke dunia kerjaya. Ketiga-tiga alumni menekankan kepentingan kemahiran insaniah, daya tahan mental, serta pembelajaran berterusan untuk kekal relevan dalam dunia pekerjaan moden. POLGOV Gradcast juga membuka pemahaman bahawa sains politik bukan sekadar teori, tetapi membina nilai praktikal dan kepimpinan.



E-Buletin

JUMAAT
13 JUN 2025

JUSTICE IN FRAME: POLITICAL POSTER EXHIBITON

Program Justice in Frame: Political Poster Exhibition telah berlangsung pada 13 Jun 2025 bertempat di Ruang Legar, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Pameran ini dianjurkan oleh pelajar Tahun 2 Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV) sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kefahaman terhadap sistem keadilan dan kes-kes undang-undang yang di Malaysia.



Pameran ini menampilkan pelbagai poster interaktif dan informatif yang memfokuskan kepada kes-kes undang-undang terpilih yang mencetuskan impak politik dan sosial. Setiap poster memberi sorotan terhadap isu-isu keadilan, prosedur mahkamah, serta dimensi politik yang wujud dalam kes-kes tersebut.

Aktiviti ini bukan sahaja mendorong pelajar untuk meneroka aspek perundangan dalam konteks politik, tetapi juga memupuk kemahiran seperti pemikiran kritikal, komunikasi visual, dan kerja berpasukan. Melalui pendekatan kreatif ini, pelajar berpeluang menganalisis dan menyampaikan maklumat kompleks dengan cara yang mudah difahami dan menarik perhatian awam.



E-Buletin

JUMAAT & ISNIN
20 JUNE 2025

FSSH DISTINGUISHED LECTURE SERIES 2025

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH) UNIMAS dengan kerjasama POLGOV Society telah menganjurkan FSSH Distinguished Lecture Series 2025, satu platform akademik berprestij bagi memperkukuh literasi sivik dan merangsang wacana kritikal dalam kalangan warga universiti dan komuniti.



Syarahan ilmiah ini menampilkan tokoh akademik tersohor, Profesor Madya Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau menyampaikan syarahan bertajuk Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), yang membuka ruang wacana mendalam mengenai asas perlembagaan negara serta implikasi perjanjian bersejarah MA63 terhadap pembentukan Malaysia.

Melalui perkongsian berwibawa ini, para pelajar, pensyarah, dan hadirin berpeluang memperkaya kefahaman mereka mengenai aspek perundangan, kenegaraan, dan hak-hak negeri dalam konteks persekutuan. Program ini sekali gus memperkukuh komitmen FSSH dalam merangsang pemikiran kritis dan kesedaran sivik dalam kalangan warga akademik.



E-Buletin

JUMAAT & ISNIN
23 JUN 2025

FSSH DISTINGUISHED LECTURE SERIES 2025

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH) UNIMAS dengan kerjasama POLGOV Society telah menganjurkan FSSH Distinguished Lecture Series 2025, satu platform akademik berprestij bagi memperkukuh literasi sivik dan merangsang wacana kritikal dalam kalangan warga universiti dan komuniti.



Syarahan ilmiah kali ini menampilkan Emeritus Profesor Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah menyampaikan syarahan bertajuk “Wajah Universiti Ideal Abad ke-21”, satu topik yang menyentuh secara mendalam mengenai hala tuju, falsafah dan peranan institusi pengajian tinggi dalam dunia yang sedang berubah pantas.

Syarahan ini memberi inspirasi kepada warga akademik dan mahasiswa untuk menilai semula fungsi universiti bukan sahaja sebagai pusat ilmu, tetapi juga sebagai pemacu tamadun, inovasi dan pembentukan nilai sejagat. Program ini memperkukuh lagi usaha FSSH dalam menjadikan wacana ilmiah sebagai wadah pemikiran masa depan.



E-Buletin

JUMAAT - KHAMIS
21 - 26 JUNE 2025

POLGOV GO GLOBAL

POLGOV- UNIMAS X UGM (UNIVERSITAS GAJAH MADA,
YOGYAKARTA INDONESIA): BRIDGING IDEAS



POLGOV kini melangkah setapak lagi ke persada antarabangsa melalui program *POLGOV-UNIMAS X UGM: Bringing Ideas* yang berlangsung di Universitas Gadjah Mada (UGM), Yogyakarta, Indonesia. Program ini merupakan program lawatan sambil belajar yang diadakan pada 21 sehingga 26 Jun 2025 di Universitas Gadjah Mada (UGM). Program ini menjadi platform strategik bagi pelajar POLGOV untuk memperkukuh jaringan akademik, memperluas perspektif global, dan bertukar pandangan bersama mahasiswa serantau dalam isu politik dan tadbir urus. Dengan pelbagai sesi diskusi, lawatan ilmiah dan forum bersama pakar di UGM, inisiatif ini membuktikan komitmen POLGOV untuk melahirkan graduan berfikiran kritis serta peka terhadap perkembangan politik dunia. Langkah ini sekaligus mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Indonesia dalam bidang pendidikan serta pemikiran politik kontemporari.



E-Buletin

RABU
2 JULAI 2025

POLGOV HIGH TEA 2025

Pada 2 Julai 2025, Program Kajian Politik dan Pemerintahan bersama POLGOV Society telah menganjurkan POLGOV High Tea 2025, sebuah sesi santai namun bermakna yang menghimpunkan para pensyarah dan ahli jawatankuasa pelajar POLGOV dalam suasana mesra dan reflektif. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Dr. Leha ak Saliman dan Dr. Nor Rafidah binti Saidon.



Acara ini bukan sekadar majlis minum petang, tetapi menjadi ruang interaksi dua hala yang penuh inspirasi. Para pensyarah berkongsi nasihat, penghargaan serta pandangan membina tentang arah tuju POLGOV Society dan potensi pelajar dalam mendepani cabaran dunia akademik dan kepimpinan. Pelajar pula mengambil peluang ini untuk berkongsi refleksi, pencapaian program, serta cadangan penambahbaikan bagi masa depan kelab. Majlis ini menonjolkan nilai kebersamaan, penghargaan, dan semangat kekitaan yang menjadi asas kepada budaya POLGOV. Ia juga mencerminkan komitmen bersama dalam membentuk masyarakat pelajar yang proaktif, bersedia memimpin, dan berfikiran kritis.



E-Buletin

ISNIN DAN SELASA
7 & 8 JULAI 2025

MAJLIS PEMBENTANGAN MANIFESTO CALON CABINET 2025/2026

Majlis Pembentangan Manifesto bagi calon barisan kepimpinan “POLGOV Cabinet 2025/2026” telah berlangsung dengan jayanya, menampilkan semangat kepimpinan baharu dalam kalangan mahasiswa Program Kajian Politik dan Pemerintahan. Calon-Calon yang bertanding mengambil peluang untuk menyampaikan visi, misi dan perancangan strategik mereka dalam memperkasa suara pelajar serta memacu kelab ke arah lebih proaktif dan inklusif.

Majlis ini bukan sahaja memperlihatkan potensi besar dalam kalangan pemimpin muda, tetapi juga mengukuhkan komitmen POLGOV Society terhadap nilai kebertanggungjawaban dan keterbukaan dalam tadbir urus pelajar.



E-Buletin

SABTU
16 JULAI 2025

DINNER YEAR 3

Pada malam yang penuh makna dan gemilang, para pelajar Tahun 3 Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV) telah melakar detik-detik indah dalam Majlis Makan Malam Tahunan POLGOV yang berlangsung dengan meriah. Bertemakan "Mengukuh Ikatan, Menginspirasi Masa Depan", majlis ini bukan sahaja menjadi wadah untuk meraikan perjalanan akademik yang telah dilalui, tetapi juga mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan pelajar serta pensyarah.

Acara yang diadakan pada 16 Julai 2025, di Serapi Hotel turut menyaksikan pelbagai persembahan menarik, penyampaian anugerah penghargaan, serta sesi bergambar yang menjadi kenangan abadi buat semua yang hadir. Semoga kenangan manis ini menjadi pembakar semangat untuk terus melangkah ke hadapan dalam dunia politik dan kepimpinan.



Penutup

Sebagai penutup edisi e-Buletin Kajian Politik dan Pemerintahan ini, pihak editorial merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Pelajar PolGov Society, semua pelajar dan pensyarah Program Kajian Politik dan Pemerintahan, seluruh



warga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini.

E-Buletin ini diterbitkan bukan sahaja sebagai rujukan dan bahan bacaan, tetapi juga sebagai usaha menyediakan kandungan yang relevan, selaras dengan matlamat memperkukuh penyebaran ilmu, memperluas wacana kritikal, dan menghubungkan perbincangan akademik dengan realiti semasa.